



BFM Media Sdn Bhd (737714A)
3A.7 Menara Ken TTDI
37 Jalan Burhanuddin Helmi
60000 Kuala Lumpur, Malaysia.
+60.111.7000.899
+603.7733.2100 (fax)
www.bfm.my

Kenyataan Media BFM — 7 Januari 2019

BFM ingin mengeluarkan kenyataan lanjut berkenaan dakwaan yang dinyatakan dalam sebuah surat yang telah disebarluaskan pada Disember 2018.

Jawatankuasa Penyiasatan Bebas, yang terdiri daripada peguam bebas, telah menyerahkan laporannya kepada sebuah panel yang terdiri daripada ahli dan bekas ahli bukan-eksekutif lembaga pengarah BFM (“Lembaga Pengarah”) lewat minggu lepas. Mereka telah mengadakan pertemuan dan menyampaikan keputusan mereka kepada pihak pengurusan BFM.

Hasil penemuan jawatankuasa penyiasatan tersebut mendapati:

- Berkenaan dakwaan rogol/serangan seksual, pihak pengurusan BFM telah menerima aduan pada Mei 2017. Sejurus menerima aduan, pihak pengurusan BFM telah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan disiplin yang tertinggi dengan menamatkan perkhidmatan pekerja yang tertuduh. Pihak pengurusan BFM tidak membuat laporan polis kerana pengadu tidak mahu melanjutkan perkara itu, pada masa tersebut.
- Berkenaan dakwaan gangguan seksual pula, dua pekerja telah diberikan surat tamat perkhidmatan, atas sebab salah laku. Lembaga Pengarah mendapati, wujud bukti yang mencukupi untuk mengambil tindakan ini. Pihak pengurusan BFM mengakui bahawa tindakan secara proaktif, untuk mengumpul bukti, sepatutnya dilaksanakan, agar salah laku ini boleh dikendalikan dengan lebih cepat.

Berikutan cadangan daripada Lembaga Pengarah, pihak pengurusan BFM kekal komited dalam memperbaik struktur kami untuk pekerja membuat aduan sekiranya terdapat sebarang perkara yang mengganggu mereka. Aduan akan dikendalikan secara telus, dan adalah niat kami untuk mewujudkan struktur ini dalam tempoh empat minggu akan datang.

Penilaian semula polisi dalaman BFM dan garis panduan sedia ada juga sedang dilaksanakan. Matlamat kami adalah untuk memastikan pekerja kami berada selamat dalam persekitaran kerja kami. Sebagai sebahagian daripada penilaian semula ini, kami juga akan melaksanakan latihan dan program kesedaran untuk semua pekerja;

diharapkan langkah ini akan dapat mengetengahkan, secara jelas, parameter kelakuan yang diterima dan tidak boleh diterima di tempat kerja, dan kesan sebarang salah laku.

Kami akan terus berusaha mewujudkan suasana tempat kerja yang selamat untuk semua orang yang bekerja dengan, atau bersama BFM, tanpa mengira jantina.

Malek Ali

Pengasas - BFM 89.9

Sebarang pertanyaan tentang kenyataan ini boleh dilanjutkan kepada Meera Sivasothy di meera.s@bfm.my